

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR**  
**JABATAN SENIBINA DALAMAN**

Adalah di syorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

**SUHAILA ABDUL HAMID**

2001402359

bertajuk

**LAPORAN**

**CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN**  
**“CYBER FUSION CAFE” DI LOT 45 & 47, SEKSYEN 8,**  
**PERSIARAN BANGI, BANDAR BARU BANGI,**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Di terima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En. Fakhul Zaman

\_\_\_\_\_

Koordinator : Pn Norashikin Bt Abdullah

\_\_\_\_\_

Ketua Kursus : Pn Ramlah Bt Awi

\_\_\_\_\_

(Tandatangan / tarikh)

## ABSTRAK

Projek akhir ini merupakan cadangan merekabentuk ruang dalaman sebuah kafe iaitu Cyber Fusion Kafe. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan kepada orang ramai tentang penubuhan Cyber Fusion Kafe, di mana pelbagai pihak akan turut sama merasai faedah dan manfaatnya yang berasaskan kepada teknologi yang terkini. Selain itu kajian mengenai kelebihan serta keistimewaan kafe ini selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin hari semakin canggih sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan akses masyarakat terhadap teknologi maklumat. Kajian juga merangkumi aspek falsafah dan prinsip-prinsipnya serta prospek perniagaan ini di masa hadapan. Kedudukan lokasi yang strategik iaitu di Bandar Baru Bangi yang menjadi tempat tumpuan semua golongan remaja terutamanya golongan pelajar (IPTA & IPTS) yang amat memerlukan akses maklumat yang terkini dewasa ini.

## PENGHARGAAN

Assalamuailaikum

Alhamdulillah , bersyukur saya ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya dapat saya menyiapkan LAPORAN PROJEK (THESIS REPORT) bagi projek akhir ini. Terlebih dahulu jutaan terima kasih kepada Pn Norasyikin bt Abdullah yang merupakan pensyarah utama subjek (THE 386) di dalam memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan laporan thesis ini.

Terima kasih yang terhingga kepada pensyarah penasihat saya iaitu En Fakhul Zaman bin Mohd Yusoff kerana telah memberikan panduan kepada saya untuk menyiapkan sebuah thesis ini. Di samping itu terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain yang dari kursus Diploma Rekabentuk Dalaman iaitu En Othman Hassan, Pn Siti Norsazlina, En Zulkifli yang telah memberikan pertolongan kepada saya dalam menyiapkan laporan ini. Kepada kawan-kawan dan ibubapa yang banyak memberi dorongan dalam bentuk nasihat, kewangan dan juga sokongan moral dalam menyiapkan projek ini.

Jutaan terima kasih diucapkan di atas kerjasama yang telah diberikan kepada oleh pihak-pihak tertentu:-

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor(PKNS)
- Pihak pemaju bangunan, Clear Strategy
- Pihak klien, En Muh Puzi Bin Muh Saad
- Dan mereka-mereka yan terlibat

**ISI KANDUNGAN**

**PENGHARGAAN**

iii - iv

**ABSTRAK**

ii

**ISI-ISI KANDUNGAN**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

**BAB 1.0 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan

1 - 3

1.2 Skop Tugas

4

1.3 Matlamat Pembelajaran

5 - 8

1.4 Objektif Pembelajaran

8 - 9

1.5 Faedah kepada masyarakat

10 - 11

1.6 Isu-isu kepentingan projek

12

**BAB 2.0 LATARBELAKANG PELANGGAN**

2.1 Pengenalan

16

2.2 Sijil Penghargaan

17 - 21

2.3 Ringkasan Keperluan ruang

22 - 23

2.4 Ruang-ruang yang dicadangkan klien

24 - 26

2.5 Kehendak klien

27

2.6 Sasaran Pengunjung

28

## 1.1 PENGENALAN

Secara umumnya apa yang dimaksudkan dengan siber kafe ialah sebuah tempat yang memperuntukkan capaian internet sementara menawarkan hidangan seperti yang terdapat di sebuah kafe di barat seperti kopi, pastri, biskut, kek dan sebagainya. Ataupun salah satu tafsiran tentang siber kafe ialah sebuah kafe mungkin sebuah kedai kopi (dimaksudkan di Barat) atau espresso shop atau tempat yang menghidangkan makanan dan minuman yang mempunyai sejumlah komputer peribadi yang di hubungkan kepada internet dan boleh digunakan oleh pengunjunnya.

Penggunaan teknologi maklumat semakin hari semakin meluas sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan jurang digital dikalangan masyarakat. Dalam menuju ke zaman yang akan datang kita perlu bersedia dengan pelbagai Informasi terkini dan mempunyai kesedaran tentang betapa pentingnya dunia teknologi bermaklumat. Kewujudan pusat-pusat internet atau lebih dikenali sebagai siber kafe sedang pesat membangun bagaikan cendawan tumbuh.

Kita sedia maklum teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam hidup manusia. Ia yang dahulunya merupakan satu gaya hidup golongan tertentu, kini menjadi satu kemestian dalam kehidupan setiap hari dari kita.

Jadi mahu tidak mahu, kita perlu turut serta dalam arus ledakan teknologi maklumat. Ini kerana teknologi maklumat ditunjangi oleh pengetahuan, maklumat, dan ilmu yang berubah secara pantas, memamatkan masyarakat tersebut dan membolehkannya menjadi produktif serta mampu bersaing dengan masyarakat antarabangsa.